

Bot khayal

3 Mei 2018

BOT yang digunakan untuk pesta dadah yang diserbu pihak berkuasa di Tasik Kenyir, kelmarin.

Bot khayal

■ 39 ditahan asyik ‘berpesta’ dadah di Tasik Kenyir

Nazdy Harun
news@NSTP.com.my

Kuala Berang

Tindakan sekumpulan lelaki dan wanita yang menjadikan sebuah rumah bot di Tasik Kenyir, dekat sini, sebagai tempat untuk ‘pesta’ dadah membawa padah apabila rumah bot terbabit diserbu di kawasan air terjun Sungai Sepat, Tasik Kenyir, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Hulu Terengganu Deputi Superintendant Mohd Adli Mat Daud berkata, serbuan dilakukan jam 1.30 pagi oleh sepasukan

pegawai dan anggota Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Hulu Terengganu bersama Pasukan Gerakan Marin Tasik Kenyir.

Katanya, seramai 39 orang berada di atas bot berkenaan dan hasil ujian air kencing dilakukan mendapati 35 positif dadah jenis amphetamine, manakala empat lagi didapati negatif.

“Daripada jumlah 35 yang didapati positif dadah seramai 28 adalah lelaki manakala tujuh lagi perempuan. Semua yang ditahan berusia 18 hingga 45 tahun dan berdasarkan alamat mereka berasal dari Marang serta

Kuala Terengganu.

“Dalam serbuan itu juga kita mendapati pemandu dan seorang kru rumah bot terbabit turut positif dadah,” katanya.

Menurutnya, serbuan dilakukan hasil risikan dan maklumat awam apabila mendapati sekumpulan lelaki serta wanita menjadikan sebuah rumah bot di tasik itu sebagai tempat melepaskan gian dan melakukan aktiviti tidak bermoral.

Katanya, pemeriksaan lanjut di tingkat atas rumah bot itu yang mempunyai beberapa bilik menemui seorang lelaki yang bersama-sama memiliki satu botol lut sinar mengandungi cecair

kehitaman disyaki dadah yang disimpan di dalam beg galas.

Beliau berkata, semua yang ditahan dibawa ke pejabat BSJN IPD Hulu Terengganu untuk tindakan lanjut.

“Hasil siasatan mendapati kumpulan terbabit sedang mengadakan pesta untuk meraikan hari jadi seorang rakan yang turut ditahan bermula sejak jam 11 pagi, Isnin lalu.”

“Semua yang ditahan mengaku mengambil dadah jenis eramin 5 serta ekstasi dan kes disiasat mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 15(1)(a) Akta Penagih Dadah 1983,” katanya.

